



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN
HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : SISTEM MAKLUMAT
PENGURUSAN

KOD MATA PELAJARAN : BIT 3083 / BTI 3283

KURSUS : 3 BIT / 3 BTI

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 MUKA SURAT

BAHAGIAN A

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

- S1** Terangkan **EMPAT (4)** keperluan yang perlu diperhatikan oleh pihak pengurusan dan organisasi dalam membentuk persekitaran pangkalan data. Lukiskan gambarajah yang menunjukkan hubungan di antara keperluan-keperluan yang telah anda nyatakan.
(10 markah)
- S2** Terdapat empat jenis sistem maklumat utama dalam organisasi hari ini yang telah direka untuk pelbagai tujuan dan pengguna yang terdiri daripada semua peringkat pengurusan. Sistem-sistem tersebut ialah Sistem Pemprosesan Transaksi, Sistem Maklumat Pengurusan, Sistem Sokongan Keputusan dan Sistem Sokongan Eksekutif. Menggunakan gambarajah yang sesuai, jelaskan hubungan di antara keempat-empat sistem tersebut di dalam organisasi.
(10 markah)
- S3** *Outsourcing* merupakan salah satu pendekatan yang boleh diambil oleh pihak pengurusan dalam membangunkan sebuah sistem maklumat. Namun begitu pihak pengurusan perlu melihat situasi-situasi yang boleh dipertimbangkan untuk menggunakan pendekatan *outsourcing*.
- (a) Terangkan **SATU (1)** kelebihan jika pihak pengurusan mengambil pendekatan *outsourcing* dalam pembangunan sistem.
(2 markah)
- (b) Selaku pelajar teknologi maklumat, anda diperlukan untuk membantu pihak pengurusan menerangkan **EMPAT (4)** situasi yang berkaitan dengan tenaga kerja.
(8 markah)

S4 Pengetahuan yang dimiliki oleh setiap pekerja dalam organisasi perlu dimanipulasikan oleh pihak pengurusan dalam era globalisasi.

(a) Nyatakan **DUA (2)** jenis pengetahuan yang kamu ketahui. (2 markah)

(b) Terangkan peranan yang dimainkan oleh kemudahan-kemudahan teknologi maklumat berikut kepada pengurusan pengetahuan.

- i. *Group Collaboration System*
- ii. *Office System*
- iii. *Artificial Intelligence System*
- iv. *Knowledge Work System*

(8 markah)

BAHAGIAN B

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

S5 Perubahan kepada persekitaran pangkalan data dalam pengurusan maklumat semakin berkembang. Kebanyakan organisasi mula berubah daripada sistem fail kepada pangkalan data. Namun begitu perubahan kepada sistem pangkalan data boleh mendatangkan kesan kepada organisasi tersebut. Bincangkan **LIMA (5)** kelebihan dan **LIMA (5)** risiko jika organisasi tersebut menggunakan persekitaran pangkalan data.

(20 markah)

S6 Antara fasa-fasa yang terkandung dalam proses pembangunan sistem adalah Fasa Pengujian dan Fasa Implementasi.

(a) Apakah yang dikatakan dengan perancangan pengujian?

(2 markah)

(b) Terangkan **TIGA (3)** jenis pengujian yang perlu dilakukan oleh pihak pembangun dan juga pengguna sistem.

(8 markah)

(c) Terdapat empat strategi yang boleh diambil oleh Juruanalisa Sistem untuk mengimplementasikan sistem yang telah siap dibangunkan dalam persekitaran sebenar. Terangkan **EMPAT (4)** strategi dan lukiskan gambarajah yang sesuai untuk setiap strategi tersebut.

(12 markah)

S7 ABC Berhad telah melantik anda sebagai Juruanalisa Sistem di Bahagian Teknologi Maklumat. Di antara tugas yang dipertanggungjawabkan adalah membangunkan sistem maklumat bagi memudahkan urusan operasi syarikat tersebut. Pihak pengurusan atasan telah bersetuju untuk membangunkan sebuah Sistem Latihan (SILA) yang membolehkan pihak syarikat mengetahui pegawai yang tidak mencapai tahap latihan iaitu 20 jam setahun.

(a) Nyatakan juga **SATU (1)** kelebihan dan **SATU (1)** kekurangan jika pembangunan SILA menggunakan pendekatan tersebut.

(2 markah)

(b) Pihak syarikat telah meminta anda untuk menerangkan **EMPAT (4)** proses pembangunan SILA dengan menggunakan pendekatan prototaip dengan bantuan gambarajah yang sesuai untuk bagaimana proses prototaip tersebut berlaku.

(10 markah)

- (c) Jadual Pekerja, Maklumat_Kursus dan Pembekal di bawah menggambarkan jadual dan data yang terdapat di dalam sistem pangkalan data SILVA.

Jadual S7(a): Jadual Pekerja

No Pekerja	Trkh Mula	Trkh Tamat	Kod Kursus	Bil hari	Jum Byrn RM
1634	2 Feb 2001	5 Feb 2001	152	4	600.00
1635	20 Feb 2001	26 Feb 2001	137	7	700.00
1636	1 Mac 2001	2 Mac 2001	145	2	400.00

Jadual S7(b): Jadual Maklumat_Kursus

Kod Kursus	Nama Kursus	Yuran Sehari	No Pembekal
137	Flash	100.00	4058
145	Linux SUSE	200.00	2038
150	Oracle	150.00	4058
152	JAVA	150.00	1125

Jadual S7(c): Jadual Pembekal

No Pembekal	Nama Pembekal	Alamat Pembekal
4058	ABC Service	44 Jalan Besar, 44950 Taiping Perak
2038	JKL Inst.	101 Jalan Bahagia, 87110 Senai Johor
1125	XYZ Training	51 Jalan Taib, 35000 Ayer Keroh, Melaka

Anda dikehendaki mengeluarkan laporan seperti yang dikehendaki untuk diserahkan kepada pihak pengurusan. Sila nyatakan Pernyataan SQL (*SQL Statement*) untuk mengeluarkan laporan berikut :

- i. Senarai kursus yang telah dihadiri oleh pekerja serta yuran untuk sehari kursus yang dihadiri.
- ii. Jumlah bayaran yuran yang telah dikeluarkan oleh pihak syarikat pada bulan Febuari 2001.
- iii. Senarai pembekal dan maklumatnya serta kursus yang dijalankan.
- iv. Senarai maklumat kursus yang telah dihadiri oleh pekerja bernombor 1635.

(8 markah)